



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W. P. PUTRAJAYA
MALAYSIA



*Pemenang Anugerah Kualiti
Perdana Menteri 2004
Pemenang Anugerah Perdana
Teknologi Maklumat 2006*



Tel. : 03-8885 3001
Faks : 03-8889 2187
E-mel : ismail@jpa.gov.my

Ruj. Kami: JPA(BPM)(S)146/45/1 Klt.6 (27)

Tarikh: 11 Mei 2010

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Y. Bhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan,

PENGEMASKINIAN MAKLUMAT PROFIL PERKHIDMATAN DALAM HRMIS

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) merakamkan penghargaan dan terima kasih atas perhatian dan kerjasama Y. Bhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan dalam menayakan misi Kerajaan berhubung pelaksanaan HRMIS di semua agensi sektor awam. Seperti Y. Bhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan sedia maklum, JPA selaku agensi peneraju dalam pembangunan dan pelaksanaan HRMIS telah menyusun pelbagai strategi bagi memastikan HRMIS dapat dilaksanakan dengan lancar. Ia bermula dengan penyediaan data asas perjawatan, pengisian dan sandangan; pengemaskinian maklumat rekod peribadi dan profil perkhidmatan; dan seterusnya pelaksanaan modul dan submodul secara berperingkat.

3. Sukacita dijelaskan bahawa penekanan peringkat awal pelaksanaan HRMIS adalah maklumat rekod peribadi dan profil perkhidmatan yang lengkap, betul dan kemas kini. Strategi yang diambil bagi mencapai matlamat ini termasuklah mengeluarkan surat pekeliling dan garis panduan pelaksanaan; pemantauan pengemaskinian melalui pangkalan data HRMIS dan mesyuarat-mesyuarat berkala; dan melaksanakan *Key Performance Indicator* (KPI). Sehingga kini, pencapaiannya amatlah membanggakan. Namun demikian, masih terdapat tindakan yang boleh diambil, diperbaiki dan dipertingkatkan di peringkat penjawat awam sendiri serta agensi masing-masing.

4. Adalah ditegaskan bahawa Jabatan ini memberi perhatian berat terhadap tahap pengemaskinian maklumat profil perkhidmatan semua penjawat awam. Untuk makluman Y. Bhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan, maklumat dalam profil perkhidmatan pada umumnya digunakan oleh semua modul dan submodul HRMIS, terutamanya Modul Perolehan Sumber Manusia; dan Modul Pengurusan Saraan, Faedah dan Ganjaran. Urusan utama yang terlibat dalam kedua-dua modul ini

termasuklah pertukaran, kenaikan pangkat, peminjaman pegawai, imbuhan tahunan, tuntutan dan pendahuluan diri; cuti, pinjaman, perubatan, gaji, saraan dan biasiswa.

5. Memandangkan fokus pelaksanaan HRMIS seterusnya adalah terhadap urusan-urusan tersebut, maka sukacita saya menarik perhatian Y. Bhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan mengenainya. Saya suka juga menegaskan bahawa maklumat profil perkhidmatan yang betul dan kemas kini adalah kritikal untuk pelaksanaan modul dan submodul HRMIS selanjutnya. Dalam konteks ini, adalah diharapkan tiada kakitangan awam yang akan ketinggalan dari aspek menikmati faedah proses sumber manusia secara 'on-line', dan tidak menjejaskan proses persaraan kakitangan melalui integrasi HRMIS-POWER.

6. Sehubungan dengan itu, pengurusan agensi digalakkan mengambil inisiatif mengenai perkara ini seperti membuat hebahan melalui portal agensi masing-masing. Pengurusan juga boleh menarik perhatian Pengurus Sumber Manusia agensi dan pegawai bertanggungjawab dari segi pengemaskinian maklumat profil perkhidmatan supaya mengambil tindakan lanjut yang berkaitan. Mereka perlulah memastikan maklumat profil perkhidmatan dalam HRMIS bagi semua penjawat awam agensi sentiasa kemas kini.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

s.k.:

Semua Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan